

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

16. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu warga emas dan warga ketidakupayaan untuk memudahkan aksesibiliti dan pengangkutan mereka mendapat rawatan dan perkhidmatan perubatan di hospital dan klinik kesihatan kerajaan?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi oleh warga emas dan golongan kurang upaya (OKU) dalam mendapatkan perkhidmatan perubatan yang terbaik. Menyedari kesukaran yang dihadapi oleh golongan ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membuat penambahbaikan dalam memudahkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada warga emas dan golongan OKU. Antara penambahbaikan tersebut adalah:-

- (i) Menyediakan kemudahan-kemudahan mesra warga emas dan mesra OKU. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah kemudahan tandas dan tempat letak kereta khas OKU di semua fasiliti kesihatan di Pulau Pinang. Bagi OKU dan warga emas yang mempunyai kesukaran menggunakan tangga tandas, seperti berkerusi roda, terdapat laluan alternatif (*ramp*) dan kemudahan lif yang boleh digunakan warga emas dan OKU untuk memudahkan pergerakan;

- (ii) Memberi keutamaan perkhidmatan kepada warga emas dan golongan OKU dengan mengadakan kaunter khas *R-lane (rapid lane)*. Pemegang kad warga emas dan kad OKU akan diberikan keutamaan menggunakan *R-lane* bagi tujuan memendekkan masa menunggu untuk berjumpa pakar kesihatan. Kemudahan kaunter *R-lane* ini juga diadakan di Bahagian Farmasi fasiliti-fasiliti kesihatan untuk mengurangkan masa menunggu warga emas dan golongan OKU ketika mengambil ubat-ubatan; dan
- (iii) Memberi pengecualian caj-caj pendaftaran, temu janji dan caj ubat-ubatan. Warga emas dan golongan OKU dikecualikan daripada membayar yuran pendaftaran di unit pesakit luar sama ada untuk pendaftaran atau temu janji perubatan. Bagi golongan OKU atau warga emas di bawah jagaan kerajaan, mereka juga layak mendapat pengecualian bayaran wad kelas 3 di bawah Pengecualian Bayaran Di Bawah Perenggan 16(3) Perintah Fi (Perubatan) 1982.

Dalam inisiatif lain bagi warga emas yang sukar untuk ke fasiliti kesihatan tetapi berada berdekatan dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berada di bawah seliaan JKM, Kerajaan Negeri juga telah memperkasakan fungsi PAWE melalui Program Penuaan Sihat. Program pemerkasaan ini dilaksanakan dengan kerjasama antara JKM dengan klinik-klinik kesihatan yang berdekatan dengan PAWE dan pegawai-pegawai kesihatan yang terlibat akan memberikan khidmat pemeriksaan dan nasihat secara percuma kepada warga emas dan komuniti di sekitar PAWE tersebut.